

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA
[BATU]**
RUJUKAN : **BL7 [PR-1343-T75663]**
SOALAN :

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah status pembangunan perumahan kos rendah untuk penduduk Kg. Railway. Bilakah pembangunan ini akan siap. Sila senaraikan peringkat pembangunan bagi tempoh tiga tahun yang lalu dan sila senaraikan jumlah penduduk yang telah menandatangani perjanjian jual beli.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Batu, status terkini pembangunan perumahan kos rendah untuk penduduk Kg. Railway adalah di peringkat penyelarasan bagi pengalihan utiliti bawah tanah iaitu kabel kv33 TNB serta paip SYABAS.

Setelah kerja-kerja pengalihan utiliti dilaksanakan dan pembangunan ini memperolehi Perintah Pembangunan (D.O.), pihak pemaju akan menyegerakan pelaksanaan projek ini.

Senarai peringkat pembangunan bagi tempoh 3 tahun yang lalu adalah seperti berikut;

TAHUN	AKTIVITI
2013	Pemindahan setinggan Kg. Railways ke PPR DBKL pada hujung 2013
2014	Penyediaan rekabentuk & penyelesaian halangan di tapak
2015	Majlis pecah tanah dan kerja-kerja awal di tapak
2016	Sedang menyelesaikan isu pengalihan utiliti serta mengemukakan permohonan projek ke Urusetia Pusat Setempat (OSC)

Jumlah penduduk yang telah ditawarkan pembelian perumahan kos rendah adalah berjumlah 145 penama. Pihak DBKL telah mengeluarkan surat tawaran namun perjanjian jual beli masih belum ditandatangani.